

03/04/1997

Alain Robert cari publisiti murah

Manja

KATA orang berbudi biar bertempat, berbuat baik biar berpada. Bagaimanapun, kemurahan kita menawarkan Menara Berkembar Petronas, kebanggaan baru negara yang belum lagi ditepung tawar untuk dipanjat oleh seorang lelaki Perancis minggu lalu, menunjukkan kita berbudi tidak bertempat. Sebagai penunggu di Menara KL, kita turut bersimpati dengan rakan kita di Kuala Lumpur City Centre itu. Ibaratkan gadis sunti, menara itu sudah dinodai oleh si dagang yang tidak diketahui asal-usulnya. Lebih menyedihkan, tindakan tidak beradab itu cuba direstui oleh sanak-saudara dan handai taulan sendiri, dengan mengetepikan perasaan orang tua si gadis.

Sejak mula lagi, tujuan Alain Robert alias Spiderman memanjat Menara Petronas, bangunan tertinggi di dunia ketika ini, pada 24 Mac lalu ialah semata-mata untuk mendapatkan publisiti. Malah jika ditangkap dan dihukum atas kesalahan menceroboh, beliau akan diangkat sebagai hero atas 'keberaniannya' itu oleh media dan pertubuhan bukan kerajaan Barat seperti yang diberikan kepada Bruno Manser kerana tinggal secara haram di hutan Sarawak satu ketika dahulu. Media antarabangsa yang sudah jelek dengan laporan konflik, politik dan retorik tentulah lebih seronok melaporkan kegilaan Robert itu seperti dibuktikan ketika dia memanjat Golden Gates, Brooklyn Bridge, San Pedro atau sebuah bangunan tinggi di Australia tidak lama dulu.

Kehadiran Robert di Malaysia sudah mencapai lebih daripada apa yang dihajatnya. Tujuan kedatangan asalnya hanyalah untuk menambahkan rekod peribadi dengan memasukkan Menara Petronas dalam senarai bangunan ternama dunia yang dicerobohnya. Bagaimanapun beliau mendapat lebih daripada itu. Sebuah hotel kini menanggung penginapan dan makan minumannya sebagai ganjaran memanjat bangunan itu minggu lalu. Kesediaan hotel itu berbuat demikian didorong oleh tawaran Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ali Rustam atas kedudukannya sebagai Presiden Pergerakan Belia 4B, kepada Robert supaya mencuba lagi panjatannya di Menara Petronas, kali ini secara 'halal' dan barangkali lengkap diiringi paluan kompang dan bunga manggar.

Selama beberapa hari minggu lalu, Robert dan Ali Rustam menjadi tumpuan media tempatan, apa lagi selepas Timbalan Menteri itu mendakwa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang ketika itu berada di Jepun, sudah menyatakan persetujuan. Malah tarikh panjatan itu juga sudah ditetapkan walaupun tidak ada laporan rasmi mengenai kebenaran itu, sama ada daripada Dr Mahathir, pihak berkuasa atau pemilik bangunan, Petronas, sehinggalah kita membaca berita kecil yang memetik Ali Rustam mengenai kemungkinan hasrat itu dibatalkan, Isnin lalu.

Memang ada orang yang kurang seronok kerana drama Spiderman Belia 4B ini terhenti separuh jalan. Tetapi kita lega dengan pembatalan itu kerana jika ia diteruskan, lebih banyak kemungkinan buruk daripada aspek positifnya. Yang pasti untung hanyalah Robert, manakala penganjurnya mungkin mendapat publisiti percuma selama beberapa hari. Sungguhpun Robert bersedia untuk 'sain mati', jika dia terkorban ketika panjatan itu, Menara Petronas akan tercatat dalam sejarah bukan sebagai antara bangunan terancang di dunia, tetapi sebagai pusara Spiderman. Jika berjaya pun, media antarabangsa hanya menumpukan kepada kebolehan Robert, bukannya kemampuan Malaysia membina bangunan itu. Yang pasti bangunan yang dibina dengan kos ketika berjuta itu bukan untuk dipanjat. Malah tindakan Robert di tempat lain sebelum ini, walaupun mendapat publisiti tidak pernah mendapat restu

daripada pihak berkuasa setempat.

Rasanya sudah lebih daripada cukup ungkapan `yang terpanjang, terbesar, pertama, terulung', kebanyakannya datang daripada kita sendiri untuk dimegahkan. Biarlah gelaran seumpama itu bertempat seperti kejayaan negara mencapai pertumbuhan ekonomi melebihi lapan peratus hampir satu dekad atau kemampuan kita untuk mewujudkan Koridor Raya Multimedia. Robert bukanlah contoh terbaik untuk diikuti anak muda kita yang kini hebat dilanda masalah. Jika keberanian dijadikan alasan, masih banyak contoh lain yang lebih baik seperti kumpulan pendaki Everest negara sekarang. Apakah jika si Joe, kaki lepak di Chow Kit yang memanjat Menara Petronas atau Maideen yang membuat penerjunan di Jambatan Pulau Pinang, akan dibantu sedemikian rupa oleh Belia 4B? Jika selepas ini ada anak muda yang memanjat Menara KL atau berlari di landasan LRT akan menerima `layanan' serupa seperti diterima Robert? Publisiti murah memang mudah diperolehi tetapi yang tetap dikenang ialah kebolehan seseorang menghasilkan sesuatu yang memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara untuk jangka panjang.

(END)